

## RM15,100 menanti pemancing di pantai Morib

**BANTING** - Hadiah wang tunai RM15,100 menanti peserta dalam Cabaran Memancing Pantai Morib sempena Pesta Morib pada 15 September ini.

Pertandingan anjuran bersama Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Pejabat ADUN Morib, Pejabat Ahli Parlimen Kuala Langat dan Wakjali Event Management itu menawarkan hadiah wang tunai RM7,000 untuk juara, kedua RM3,000 dan ketiga RM1,000.

Pemenang keempat hingga ke-10 menerima RM300, ke-11 hingga ke-30 menerima RM100 manakala ke-31 hingga ke-50 menerima hadiah saguhati.

Pertandingan cetusan idea ADUN Morib, Hasnul Baharuddin itu bakal bermula jam 4.30 petang hingga 8.40 malam.

Hasnul berkata, bagi membolehkan peserta menunaikan solat Maghrib, pertandingan itu akan dihentikan



**HASNUL**

selama 25 minit bermula jam 7.15 hingga 7.40 malam.

"Masa 25 minit ini boleh digunakan untuk peserta menunaikan solat Maghrib. Pantai Morib ada kemudahan surau yang luas dan

selesa, masa diberikan untuk peserta menunaikan solat Maghrib adalah mencukupi.

"Acara ini dilangsungkan pada sebelah petang hingga malam berikutan faktor air pasang surut di mana air laut pasang pada lewat petang pada hari berkenaan," katanya.

Yuran penyertaan RM40 untuk satu joran dan peserta dibenarkan mendaftar lebih daripada dua joran.

Penyertaan berkeluarga juga digalakkan. Kaunter pendaftaran akan dibuka di lokasi pertandingan bermula jam 10 pagi pada Ahad ini.

Pertanyaan mengenai acara ini boleh berhubung dengan penganjur di talian 012-2141401 dan 019-6203040.



Mayat lelaki tempatan itu ditemui tergantung di sebuah rumah kedai di Taman Seri Putra, Banting kelmarin.

## Abang jumpa mayat adik tergantung

**BANTING** - Usaha si abang untuk mencari adiknya yang tidak pulang sejak beberapa hari lalu dikejutkan dengan penemuan mayat adiknya itu dalam keadaan tergantung di dalam bilik sebuah rumah kedai di Jalan Toman Taman Seri Putra di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintenden Azizan Tukiman berkata, pihaknya dimaklumkan penemuan terbabit jam 12.30 tengah hari.

“Anggota yang tiba di lokasi kejadian mendapati satu mayat lelaki dengan leher diikat dengan kain dalam keadaan tergantung pada

kipas siling bilik.

“Semakan mendapati lelaki itu ialah warga tempatan berusia 35 tahun,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Menurutnya, pihak forensik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor telah dipanggil ke tempat kejadian dan siasatan mendapati tiada unsur jenayah dikesan.

Katanya, mangsa dipercayai tinggal dan menyewa di rumah kedai terbabit.

“Mayat dibawa ke Hospital Banting untuk bedah siasat dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut,” katanya.